



## **POLISI PENDEDAHAN MAKLUMAT**

Selaras dengan usaha ke arah meningkatkan kualiti serta standard tadbir urus dan kebertanggungjawaban, Affin Bank Berhad (Co. No. 25046-T) dan Affin Islamic Bank Berhad (709506-V) (atau "Bank") komited untuk mewujudkan budaya dengan nilai-nilai keterbukaan dan ketelusan yang tinggi.

Pihak Bank mengambil pendirian yang tegas terhadap sebarang tingkah laku kakitangan Bank yang menyalahi undang-undang atau penyelewengan kewangan yang boleh memudaratkan pelanggan, pembekal, orang awam, alam sekitar, atau apa saja perbuatan yang boleh mengundangkan pembaziran atau kerugian.

Justeru itu, pihak Bank telah merangka satu Polisi Pendedahan Maklumat bagi menyediakan saluran kepada semua kakitangan dan orang awam yang hendak melaporkan sebarang tingkah laku tidak wajar.

Antara bentuk-bentuk tingkah laku yang tidak wajar adalah seperti berikut:

- pelanggaran obligasi undang-undang dan keperluan berkanun
- penggunaan dana awam atau lain-lain dana secara tidak wajar atau tanpa kebenaran
- aktiviti yang menyalahi undang-undang, sama ada perlakuan jenayah atau pelanggaran undang-undang sivil
- penipuan dan rasuah
- penyimpangan atau penyelewengan kewangan
- perdagangan orang dalam, dorongan, sokongan dan ketidakjujuran
- pelanggaran peraturan kesihatan dan keselamatan
- salah laksana keadilan (misalnya gangguan, diskriminasi, penganiayaan atau penyalahgunaan kuasa)
- pendedahan maklumat sulit tanpa kebenaran
- tingkah laku tidakwajar atau tidak beretika
- pembaziran, pencurian atau penyalahgunaan peruntukan/utiliti bank yang disengajakan
- perlakuan merosakkan aset/harta Bank yang disengajakan

## **SIAPAKAH YANG BOLEH MEMBUAT LAPORAN PENDEDAHAN?**

- a) Mana-mana kakitangan dalam Kumpulan Affin Bank;
- b) Pihak ketiga, seperti pelanggan, penyelia perkhidmatan, vendor, kontraktor, pembekal, perunding dan kakitangan pelatih Bank.


## **PERLINDUNGAN KEPADA PEMBERITAHU MAKLUMAT**

Pihak Bank akan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk melindungi segala maklumat berkaitan dengan laporan pendedahan maklumat. Laporan pendedahan maklumat akan dikendalikan secara sulit dan teliti.

## **SALURAN LAPORAN**

Sebarang laporan pendedahan maklumat boleh dibuat melalui **MANA-MANA** saluran yang berikut:

**e-mail** ke alamat berikut:



- 1) Chairman, Jawatankuasa Pengarah Kumpulan Audit Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bagi Pendedahan Maklumat  
Alamat e-mail: [whistle-blowing@affinbank.com.my](mailto:whistle-blowing@affinbank.com.my)

## **ATAU**

- 2) Kepada Pengerusi dan/atau ahli-ahli Jawatankuasa bagi Pendedahan Maklumat  
Alamat e-mail: [whistle-blowing@affinbank.com.my](mailto:whistle-blowing@affinbank.com.my)



**Secara peribadi** dengan menulis surat untuk membuat temujanji untuk bertemu dengan pihak yang berikut:

- 1) Pengerusi dan/atau ahli-ahli Jawatankuasa bagi Pendedahan Maklumat

## **DAN/ATAU**

- 2) Pengerusi, Jawatankuasa Pengarah Kumpulan Audit Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bagi Pendedahan Maklumat

di alamat: AFFIN BANK BERHAD (25046-T) atau  
AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD  
(709506-V)  
Tingkat 2, Menara AFFIN  
80 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur



**Melalui surat dan serahan mel/serahan tangan kepada:**

- 1) Pengerusi, Jawatankuasa Pengarah Kumpulan Audit Pengarah Bebas Bukan Eksekutif bagi Pendedahan Maklumat

di alamat: AFFIN BANK BERHAD (25046-T) atau  
AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD  
(709506-V)  
Tingkat 2, Menara AFFIN  
80 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur

### **DAN/ATAU**

- 2) Pengerusi dan/atau ahli - ahli Jawatankuasa bagi Pendedahan Maklumat

di alamat: AFFIN BANK BERHAD (25046-T) atau  
AFFIN ISLAMIC BANK BERHAD  
(709506-V)  
Tingkat 17, Menara AFFIN  
80 Jalan Raja Chulan  
50200 Kuala Lumpur


\* *hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup dengan perkataan "**Sulit**". Sila nyatakan disudut kiri bahagian atas sampul surat "**Untuk Dibuka oleh Penerima Sahaja**".*

Penggunaan **Borang Pendedahan Maklumat** yang dilampirkan adalah digalakkan.

Pemberitahuan Maklumat juga boleh menyalurkan maklumat kepada saluran selain yang disebutkan di atas seperti yang disenaraikan pada pautan berikut:



**Agensi-agensi Pegawai Selia atau Penguatkuasa Undang-Undang**



**Untuk Kakitangan/Pelatih Bank:**

Selain daripada saluran-saluran yang disenaraikan diatas, kakitangan/pelatih boleh juga menggunakan **peti aduan** yang terletak di **Tingkat 11 dan 18 Menara AFFIN, Kuala Lumpur**

## **MAKLUMAT YANG PERLU DISERTAKAN DALAM LAPORAN PENDEDAHAN MAKLUMAT**

Untuk memudahkan sebarang langkah siasatan dijalankan, maklumat-maklumat berikut hendaklah disediakan:

- a) Nama individu yang membuat laporan, nombor telefon, alamat surat-menyurat atau alamat e-mail;
- b) Butiran orang yang terlibat atau terjejas;
- c) Bentuk dakwaan termasuk bila dan di mana tingkah laku tidak wajar berlaku; dan
- d) Sebarang bukti atau maklumat sokongan daripada saksi-saksi yang boleh membantu siasatan.

## **PEMBERITAHUAN HASIL SIASATAN**

Maklum balas terhadap laporan pendedahan maklumat adalah bergantung kepada tahap kritikaliti laporan tersebut. Sekiranya siasatan lanjut perlu dijalankan dibawah Polisi Pendedahan Maklumat Bank, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan/atau Jawatankuasa bagi Pendedahan Maklumat boleh meminta maklumat atau keterangan tambahan daripada Pemberitahu Maklumat atau menyiasat perkara tersebut melalui Juruaudit Dalam Kumpulan atau pihak-pihak badan bebas yang lain.